14 Walaupun telah belajar bersungguh-sungguh, dia masih **belum mendapat hasil daripada usahanya itu**.

(____________________________)

15 Setiap akhir bulan, bapa saya akan mendapat **upah atau bayaran kerana membuat kerja.**

(____________________________)

16 Makanan yang terhidang di atas meja itu **tidak mempunyai rasa** langsung.

(____________________________)

17 Pemerintah hendak mengubahsuai **tempat tinggal raja** yang terletak di Kampung Glam itu.

(____________________________)

18 Pengembara itu duduk sambil **menghilangkan penat** di bawah pokok mangga itu.

(____________________________)

19 Penglihatannya **tidak terang lagi** kerana usianya semakin tua.

(____________________________)

20 Raja yang **tidak mempunyai rasa belas kasihan** itu telah ditentang oleh rakyatnya.

(____________________________)






LEMBARAN KERJA
www.saujana.sg

SILA KLIK IMEJ UNTUK KEMBALI KE LAMAN LEMBARAN KERJA

# P5

## FRASA / PERKATAAN (1)

disusun oleh:
**MOHAMED NAIM DAIPI**



NAMA : ..........................................

DARJAH : ..........................................

TARIKH :..........................................



MND / P5LK02B

GANTIKAN FRASA BERHURUF TEBAL DENGAN SEPATAH PERKATAAN YANG SESUAI.

01 Semua kebaikan dan kejahatan akan mendapat pembalasan di **alam yang kekal** kelak.

(____________________________)

02 Pengetua telah memberi **peringatan yang tegas** kepada murid-murid yang nakal itu.

(____________________________)

03 Majlis itu turut dihadiri oleh seorang **yang terlibat dalam mengembara di angkasa lepas.**

(____________________________)

04 Makanan yang **tidak boleh dimakan lagi** itu telah dibuang ke dalam tong sampah.

(____________________________)

05 Para peserta seminar dari luar negara telah menginap di **tempat penginapan pengunjung** berbintang lima.

(____________________________)

06 Askar yang **tidak berani menentang musuh** itu telah dihadapkan ke mahkamah tentera.

(____________________________)



07 **Orang yang mengepalai** pasukan bola sepak itu digantung kerana bermain kasar.

(____________________________)

08 **Orang yang mnegetuai solat** itu baru sahaja bersara daripada jawatannya.

(____________________________)

09 Semua jawapan matematiknya **tidak salah** tetapi penerangannya kurang lengkap.

(____________________________)

10 Budak yang **tidak berbudi bahasa** itu telah dimarahi oleh ayahnya.

(____________________________)

11 Orang yang berkepala **tidak berambut** itu ialah pelakon filem yang terkenal.

(____________________________)

12 Sejak dilahirkan, penghafaz Quran itu **tidak dapat melihat**.

(____________________________)

13 Pengurus bank yang **tidak amanah dan tidak jujur** itu telah diberhentikan kerja.

(____________________________)